



ATURAN KUMPULAN WANG KHAIRAT KEMATIAN KOPERASI SERBAGUNA ANAK-ANAK SELANGOR BERHAD

1. NAMA

- 1.1 Aturan ini dinamakan '**ATURAN KUMPULAN WANG KHAIRAT KEMATIAN KOSAS**' (Kemudian daripada ini disebut sebagai Kumpulan Wang ini); dan
- 1.2 Aturan ini diwujudkan di bawah Undang-undang Kecil 44(2)(x) dan dikuatkuasakan selepas persetujuan Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi ini.

2. TAFSIRAN

Dalam Aturan ini, kecuali jika ada sesuatu perkara atau perkataan atau ayat yang berkehendakkan pengertian lain, maka:-

- 2.1 "**Koperasi**" bermaksud Koperasi Serbaguna Anak-anak Selangor Berhad.
- 2.2 "**Lembaga Koperasi**" bermaksud Anggota Lembaga Koperasi yang dilantik di bawah Undang-undang Kecil 34;
- 2.3 "**Anggota**" mempunyai erti yang diberi kepadanya di bawah Undang-undang Kecil 2;
- 2.4 "**Waris Anggota**" bermakna:-
 - 2.4.1 Isteri atau isteri-isteri;
 - 2.4.2 Suami;
 - 2.4.3 Anak, anak tiri atau anak angkat (yang didaftarkan mengikut undang-undang Malaysia)
- 2.5 "**Penama**" bermaksud seorang wakil di sisi undang-undang yang dinamakan di dalam Borang Permohonan Menjadi Anggota yang akan menerima wang anggota tersebut setelah beliau meninggal dunia.

3. **TUJUAN**

Tujuan Kumpulan Wang ini adalah bagi mengumpul wang untuk memberi bantuan Khairat Kematian kepada penama atau waris sekiranya seseorang anggota itu meninggal dunia.

4. **SUMBER KEWANGAN**

Sumber kewangan bagi Kumpulan Wang ini adalah dari:-

- 4.1 Potongan dari dividen tahunan sebanyak RM10-00 seorang dari anggota yang layak;
- 4.2 Peruntukan dari keuntungan tahunan Koperasi yang diluluskan oleh Mesyuarat Agung Tahunan;
- 4.3 Pulangan seperti dividen dan bonus daripada pelaburan wang Kumpulan Wang ini dalam mana-mana pelaburan yang diluluskan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia .

5. **KELAYAKAN**

Anggota yang mempunyai syer minima RM1,000.00 dan mencarum kepada Kumpulan Wang ini semasa membuat permohonan menjadi anggota adalah layak menerima faedah atau bantuan daripada Kumpulan Wang ini.

6. **KADAR BANTUAN**

Penama atau waris sah anggota akan menerima bantuan khairat sebanyak RM3,000.00.

7. **PERMOHONAN**

- 7.1 Permohonan hendaklah dibuat oleh penama atau waris sah anggota yang meninggal dunia secara bertulis dalam tempoh satu tahun dari tarikh kematian anggota.
- 7.2 Permohonan hendaklah dikemukakan dengan menyertakan bukti kematian seperti permit perkuburan atau sijil kematian.

8. **KELULUSAN DAN PEMBAYARAN**

- 8.1 Kuasa untuk meluluskan permohonan dan bayaran Khairat Kematian adalah terletak kepada Lembaga Koperasi.
- 8.2 Pembayaran dibuat setelah semua syarat dipenuhi dan permohonan dibuat dengan lengkap; dan
- 8.3 Bayaran dibuat melalui cek atas nama seorang penama seperti di daftar penama KOSAS atau waris yang dilantik di kalangan waris-waris anggota yang sah.

8.4 Waris yang mengemukakan Perintah Mahkamah atau Perintah Di Bawah Akta Harta Pusaka Kecil, bayaran akan dibuat kepada Pentadbir yang dinamakan di dalam Perintah tersebut

9. **PENTADBIRAN**

Kumpulan Wang ini hendaklah ditadbir oleh Lembaga Koperasi atau mereka yang diberi kuasa untuk mentadbir dan peruntukan jumlah di dalamnya boleh dipindahkan kepada Kumpulan Wang yang lain tertakluk kepada kelulusan Lembaga Koperasi.

10. **TAHUN KEWANGAN**

Tahun kewangan Kumpulan Wang ini adalah sama seperti tahun kewangan Koperasi ini iaitu berakhir pada 31 Disember, tiap-tiap tahun.

11. **LAIN-LAIN**

11.1 Apa-apa yang tidak terkandung dalam Aturan ini adalah menjadi tanggungjawab Lembaga Koperasi memutuskannya. Apa-apa keputusan Lembaga Koperasi adalah muktamad jika tidak dibatalkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

11.2 Sebarang cadangan pindaan terhadap Aturan ini hendaklah dibentang dan diluluskan oleh Mesyuarat Agung sebelum dilaksanakan.

12. **PERTIKAIAN**

Jika berbangkit sebarang pertikaian atas tafsiran Aturan-aturan ini atau timbul apa-apa perbalahan mengenainya, maka pertikaian itu hendaklah dirujuk kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia mengikut Undang-undang Kecil 83.



ATURAN KUMPULAN WANG BANTUAN PERUBATAN KOPERASI SERBAGUNA ANAK-ANAK SELANGOR BERHAD

1. NAMA

- 1.1 Aturan ini dinamakan '**ATURAN KUMPULAN WANG BANTUAN PERUBATAN KOSAS**' (Kemudian daripada ini disebut sebagai Kumpulan Wang ini); dan
- 1.2 Aturan ini diwujudkan di bawah Undang-undang Kecil 44(2)(x) dan dikuatkuasakan selepas persetujuan Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi ini.

2. TAFSIRAN

Dalam Aturan ini, kecuali jika ada sesuatu perkara atau perkataan atau ayat yang berkehendakkan pengertian lain, maka:-

- 2.1 "**Koperasi**" bermaksud Koperasi Serbaguna Anak-anak Selangor Berhad.
- 2.2 "**Lembaga Koperasi**" bermaksud Anggota Lembaga Koperasi yang dilantik di bawah Undang-undang Kecil 34;
- 2.3 "**Anggota**" mempunyai erti yang diberi kepadanya di bawah Undang-undang Kecil 2;

3. TUJUAN

Tujuan Kumpulan Wang ini adalah bagi memberi bantuan kewangan kepada anggota yang memerlukan bantuan perubatan.

4. SUMBER KEWANGAN

Sumber kewangan bagi Kumpulan Wang ini adalah dari:-

- 4.1 Potongan dari dividen tahunan sebanyak RM10-00 seorang dari anggota yang layak;
- 4.2 Peruntukan dari keuntungan tahunan Koperasi yang diluluskan oleh Mesyuarat Agung Tahunan;
- 4.3 Pulangan seperti dividen dan bonus daripada pelaburan wang Kumpulan Wang ini dalam mana-mana pelaburan yang diluluskan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia .

5. KELAYAKAN

- 5.1 Anggota yang mempunyai syer minima RM1,000.00 dan telah mencarum kepada Kumpulan Wang ini serta telah menjadi anggota Koperasi sekurang-kurangnya satu tahun;
- 5.2 Anggota hendaklah mendapatkan rawatan di hospital Kerajaan atau mana-mana hospital di dalam atau di luar Malaysia.
- 5.3 Hanya anggota yang diwadkan di hospital atau anggota yang sedang menerima rawatan susulan sebagai pesakit luar dan diluluskan oleh Lembaga layak menerima bantuan ini;
- 5.4 Anggota belum pernah menerima bantuan perubatan daripada Koperasi.

6. KADAR BANTUAN

- 6.1 Sekiranya syer terkumpul anggota adalah kurang daripada RM10,000-00 maka kadar bantuan yang diberi adalah sebanyak mana syer terkumpul anggota tersebut.
- 6.2 Sekiranya syer terkumpul anggota adalah lebih daripada RM10,000-00 maka kadar bantuan yang diberi adalah sehingga RM10,000-00 sahaja.
- 6.3 Bantuan ini hanya akan diberikan kepada anggota tertakluk kepada :-
 - i) Kadar bantuan seperti di perenggan 6.1 atau 6.2 ;
 - ii) Budibicara Lembaga untuk mempertimbangkan permohonan anggota
 - iii) Kedudukan kewangan Kumpulan Wang ini
 - iv) Tuntutan dibuat dalam tempoh 6 bulan

7. PERMOHONAN

- 7.1 Permohonan hendaklah dibuat oleh anggota dengan Borang Rasmi yang boleh didapati dari Ibu Pejabat Koperasi.
- 7.2 Bagi anggota yang diwadkan di hospital, anggota hendaklah mengemukakan salinan bil yang disahkan oleh pihak hospital serta salinan resit bayaran.
- 7.3 Bagi anggota yang menerima rawatan susulan sebagai pesakit luar, anggota hendaklah mengemukakan salinan buku temujanji hospital serta salinan resit bayaran.

8. KELULUSAN DAN PEMBAYARAN

- 8.1 Pembayaran dibuat setelah Lembaga Koperasi berpuashati diatas kesahihan permohonan.
- 8.2 Bayaran dibuat atas nama anggota yang memohon.

9. **PENTADBIRAN**

Kumpulan Wang ini hendaklah ditadbir oleh Lembaga Koperasi atau mereka yang diberi kuasa untuk mentadbir dan peruntukan jumlah di dalamnya boleh dipindahkan kepada Kumpulan Wang yang lain tertakluk kepada kelulusan Lembaga Koperasi.

10. **TAHUN KEWANGAN**

Tahun kewangan Kumpulan Wang ini adalah sama seperti tahun kewangan Koperasi ini iaitu berakhir pada 31 Disember, tiap-tiap tahun.

11. **LAIN-LAIN**

11.1 Apa-apa yang tidak terkandung dalam Aturan ini adalah menjadi tanggungjawab Lembaga Koperasi memutuskannya. Apa-apa keputusan Lembaga Koperasi adalah muktamad jika tidak dibatalkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

11.2 Sebarang cadangan pindaan terhadap Aturan ini hendaklah dibentang dan diluluskan oleh Mesyuarat Agung sebelum dilaksanakan.

12. **PERTIKAIAN**

Jika berbangkit sebarang pertikaian atas tafsiran Aturan-aturan ini atau timbul apa-apa perbalahan mengenainya, maka pertikaian itu hendaklah dirujuk kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia mengikut Undang-undang Kecil 83.



ATURAN KUMPULAN WANG PEMBIAYAAN PENDIDIKAN TINGGI KOPERASI SERBAGUNA ANAK-ANAK SELANGOR BERHAD

1. NAMA

- 1.1 Aturan ini dinamakan '**ATURAN KUMPULAN WANG PEMBIAYAAN PENDIDIKAN TINGGI KOSAS**' (Kemudian daripada ini disebut sebagai Kumpulan Wang ini); dan
- 1.2 Aturan ini diwujudkan di bawah Undang-undang Kecil 44(2)(x) dan dikuatkuasakan selepas persetujuan Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi ini.

2. TAFSIRAN

Dalam Aturan ini, kecuali jika ada sesuatu perkara atau perkataan atau ayat yang berkehendakkan pengertian lain, maka:-

- 2.1 "**Koperasi**" bermaksud Koperasi Serbaguna Anak-anak Selangor Berhad.
- 2.2 "**Lembaga Koperasi**" bermaksud Anggota Lembaga Koperasi yang dilantik di bawah Undang-undang Kecil 34;
- 2.3 "**Anggota**" mempunyai erti yang diberi kepadanya di bawah Undang-undang Kecil 2;
- 2.4 "**Tanggungjawab Anggota**" bermakna:-
 - 2.4.1 Isteri atau isteri-isteri;
 - 2.4.2 Suami;
 - 2.4.3 Anak, anak tiri atau anak angkat (yang didaftarkan mengikut undang-undang Malaysia)
 - i. yang berumur 18 tahun kebawah; atau
 - ii. yang melebihi 18 tahun jika masih menuntut di institusi pengajian tinggi di dalam dan luar negara sehingga peringkat ijazah pertama dan tidak melebihi 25 tahun.

3. **TUJUAN**

Tujuan Kumpulan Wang ini adalah bagi memberi pembiayaan pendidikan tinggi kepada anggota atau tanggungan anggota untuk melanjutkan pelajaran di dalam dan luar Negara sehingga ke peringkat ijazah pertama tertakluk kepada had yang ditetapkan.

4. **SUMBER KEWANGAN**

Sumber kewangan bagi Kumpulan Wang ini adalah dari:-

- 4.1 Potongan dari dividen tahunan sebanyak RM10-00 seorang dari anggota yang layak;
- 4.2 Peruntukan dari keuntungan tahunan Koperasi yang diluluskan oleh Mesyuarat Agung Tahunan;
- 4.3 Pulangan seperti dividen dan bonus daripada pelaburan wang Kumpulan Wang ini dalam mana-mana pelaburan yang diluluskan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia .

5. **KELAYAKAN**

- 5.1 Anggota yang mempunyai syer minima RM1,000.00 dan telah mencarum kepada Kumpulan Wang ini serta telah menjadi anggota Koperasi sekurang-kurangnya satu tahun;
- 5.2 Tanggungan kepada anggota menurut fasal 5.1 adalah layak untuk menerima pembiayaan ini.

6. **SYARAT PERMOHONAN**

Permohonan boleh dibuat oleh anggota atau tanggungannya yang mengikuti pendidikan bagi peringkat diploma atau ijazah pertama di institusi pengajian tempatan atau luar negara yang diiktiraf oleh Kerajaan.

7. **PERMOHONAN**

- 7.1 Permohonan hendaklah dibuat oleh anggota atau tanggungan anggota yang berkenaan dengan Borang Rasmi yang boleh didapati dari Ibu Pejabat Koperasi.
- 7.2 Semasa permohonan dibuat, salinan surat tawaran daripada universiti atau institusi pengajian tinggi, senarai yuran serta bayaran fi proses sebanyak RM30.00 hendaklah dikemukakan bersama dengan borang permohonan.

8. **KADAR PEMBIAYAAN**

8.1 Pembiayaan diberi adalah seperti berikut:-

- 8.1.1 Ijazah - RM3,000.00 satu semester

- | | | | |
|-------|--|---|--|
| 8.1.2 | Diploma | - | RM2,500.00 satu semester |
| 8.1.3 | Kursus Kemahiran Dan Sijil Profesional | - | RM 5,000.00 setahun di APK atau mana-mana institusi yang diiktiraf |
- 8.2 Jumlah pembiayaan yang lebih tinggi boleh diberikan sekiranya jumlah syer penjamin atau syer penjamin-penjamin melebihi jumlah pembiayaan yang dipohon

9. SYARAT-SYARAT PEMBIAYAAN

- 9.1 Pemohon hendaklah menyediakan penjamin yang terdiri daripada anggota Koperasi. Jumlah penjamin adalah tertakluk kepada jumlah pembiayaan yang dipohon serta jumlah syer penjamin berkenaan setelah ditolak syer minima.
- Penjamin atau penjamin-penjamin hendaklah mempunyai syer melebihi pembiayaan atau pembiayaan yang telah dan hendak dijamin.
- Sekiranya Pemohon merupakan tanggungan anggota, maka anggota tersebut hendaklah menjadi penjamin atau salah satu penjamin kepada Pemohon.
- 9.2 Penjamin tidak boleh berhenti daripada menjadi anggota, mengeluarkan sebahagian syernya atau memindahkan sebahagian dari syernya kepada anggota lain sekiranya baki syer penjamin atau penjamin-penjamin kurang daripada jumlah pembiayaan yang dijamin sehingga pembiayaan yang dijamin dibayarbalik sepenuhnya. Permohonan pengeluaran atau pindahan syer Penjamin adalah tertakluk kepada kelulusan Lembaga Koperasi.
- 9.3 Sekiranya kedua-dua atau salah seorang penjamin meninggal dunia atau bankrap atau gila peminjam hendaklah mencari ganti penjamin atau penjamin-penjamin tersebut.
- 9.4 Seorang penjamin adalah memadai menjamin pembiayaan kiranya syer terkumpul penjamin itu melebihi jumlah pembiayaan yang dijamin.
- 9.5 Pembiayaan hendaklah dibayarbalik kepada Koperasi setelah enam bulan pelajar menamatkan pengajiannya. Pelajar yang melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi boleh memohon untuk menanggungkan bayaran balik pembiayaan sehingga enam bulan setelah tamat pengajian tersebut.
- 9.6 Bayaran balik pembiayaan hendaklah dibuat sekaligus atau dalam tempoh tidak lebih daripada 60 bulan.
- 9.7 Sekiranya peminjam gagal membayar ansuran pembiayaan mengikut tempoh yang ditetapkan dan notis peringatan telah diberikan maka Lembaga Koperasi berhak untuk memotong syer penjamin bagi melunaskan bayaran pembiayaan yang tertunggak.

10. **PEMBAYARAN**

- 10.1 Pembayaran pertama dibuat dalam tempoh 7 hari bekerja selepas pemohon mengemukakan perjanjian yang telah ditandatangani dan disetem di Pejabat Duti Setem.
- 10.2 Bayaran kedua dan seterusnya akan dibuat selepas pihak Koperasi menerima salinan sah keputusan untuk setiap semester dan pelajar/peminjam disahkan layak meneruskan pengajian untuk semester berikutnya.
- 10.3 Sekiranya pelajar/peminjam gagal di dalam peperiksaan, bayaran seterusnya tidak akan dibuat sehingga pelajar lulus dan layak untuk meneruskan pengajian semester berikutnya.

11. **LAPORAN PRESTASI PELAJARAN**

Pelajar/Peminjam hendaklah mengemukakan salinan sah Laporan Prestasi Pelajaran mereka bagi setiap semester daripada universiti atau institut pengajian tinggi kepada Koperasi.

12. **HILANG KELAYAKAN**

Lembaga Koperasi berhak menarik balik pembiayaan pada bila-bila masa tertakluk kepada keadaan-keadaan berikut:-

- 12.1 Pelajar/Peminjam gagal dalam peperiksaan atau gagal menunjukkan prestasi yang memuaskan tanpa alasan yang munasabah atau tidak dibenarkan untuk meneruskan pengajian oleh pihak berkuasa universiti atau institusi pengajian tinggi;.
- 12.2 Pelajar/Peminjam melakukan sesuatu yang bertentangan dengan kepentingan Koperasi atau Negara;
- 12.3 Lain-lain alasan yang difikirkan munasabah oleh pihak Lembaga Koperasi.

13. **PENTADBIRAN**

Kumpulan Wang ini hendaklah ditadbir oleh Lembaga Koperasi atau mereka yang diberi kuasa untuk mentadbir dan peruntukan jumlah di dalamnya boleh dipindahkan kepada Kumpulan Wang yang lain tertakluk kepada kelulusan Lembaga Koperasi.

14. **TAHUN KEWANGAN**

Tahun kewangan Kumpulan Wang ini adalah sama seperti tahun kewangan Koperasi ini iaitu berakhir pada 31 Disember, tiap-tiap tahun.

15. **LAIN-LAIN**

15.1 Apa-apa yang tidak terkandung dalam Aturan ini adalah menjadi tanggungjawab Lembaga Koperasi memutuskannya. Apa-apa keputusan Lembaga Koperasi adalah muktamad jika tidak dibatalkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

15.2 Sebarang cadangan pindaan terhadap Aturan ini hendaklah dibentang dan diluluskan oleh Mesyuarat Agung sebelum dilaksanakan.

16. **PERTIKAIAN**

Jika berbangkit sebarang pertikaian atas tafsiran Aturan-aturan ini atau timbul apa-apa perbalahan mengenainya, maka pertikaian itu hendaklah dirujuk kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia mengikut Undang-undang Kecil 83.



ATURAN KUMPULAN WANG PENGHARGAAN KECEMERLANGAN PELAJARAN KOPERASI SERBAGUNA ANAK-ANAK SELANGOR BERHAD

1. NAMA

- 1.1 Aturan ini dinamakan '**ATURAN KUMPULAN WANG PENGHARGAAN KECEMERLANGAN PELAJARAN KOSAS**' (Kemudian daripada ini disebut sebagai Kumpulan Wang ini); dan
- 1.2 Aturan ini diwujudkan di bawah Undang-undang Kecil 44(2)(x) dan dikuatkuasakan selepas persetujuan Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi ini.

2. TAFSIRAN

Dalam Aturan ini, kecuali jika ada sesuatu perkara atau perkataan atau ayat yang berkehendakkan pengertian lain, maka:-

- 2.1 "**Koperasi**" bermaksud Koperasi Serbaguna Anak-anak Selangor Berhad.
- 2.2 "**Lembaga Koperasi**" bermaksud Anggota Lembaga Koperasi yang dilantik di bawah Undang-undang Kecil 34;
- 2.3 "**Anggota**" mempunyai erti yang diberi kepadanya di bawah Undang-undang Kecil 2;
- 2.4 "**Tanggungjawab Anggota**" bermakna:-
 - 2.4.1 Isteri atau isteri-isteri;
 - 2.4.2 Suami;
 - 2.4.3 Anak, anak tiri atau anak angkat (yang didaftarkan mengikut undang-undang Malaysia)
 - i. yang berumur 18 tahun kebawah; atau
 - ii. yang melebihi 18 tahun jika masih menuntut di institusi pengajian tinggi di dalam dan luar negara sehingga peringkat ijazah pertama dan tidak melebihi 25 tahun.

3. **TUJUAN**

Tujuan Kumpulan Wang ini adalah bagi memberi penghargaan dalam bentuk wang tunai dan sijil kepada anggota atau tanggungan anggota yang mencapai tahap kecemerlangan yang ditetapkan.

4. **SUMBER KEWANGAN**

Sumber kewangan bagi Kumpulan Wang ini adalah dari:-

- 4.1 Potongan dari dividen tahunan sebanyak RM10-00 seorang dari anggota yang layak;
- 4.2 Peruntukan dari keuntungan tahunan Koperasi yang diluluskan oleh Mesyuarat Agung Tahunan;
- 4.3 Pulangan seperti dividen dan bonus daripada pelaburan wang Kumpulan Wang ini dalam mana-mana pelaburan yang diluluskan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia .

5. **KELAYAKAN**

- 5.1 Anggota yang mempunyai syer minima RM1,000.00 dan telah mencarum kepada Kumpulan Wang ini serta telah menjadi anggota Koperasi sekurang-kurangnya satu tahun;
- 5.2 Tanggungan kepada anggota menurut fasal 5.1 adalah layak untuk menerima penghargaan kecemerlangan pelajaran ini.

6. **SYARAT KELAYAKAN PENGHARGAAN**

Syarat kelayakan bagi mendapatkan Penghargaan Kecemerlangan Pelajaran ialah :

6.1 **Anugerah Khas** :

Lembaga Koperasi boleh dengan menggunakan budi bicaranya menganugerahkan hadiah penghargaan kepada mana-mana pelajar yang menerima pengiktirafan dalam bidang-bidang professional atau mencapai kecemerlangan dalam sesuatu bidang tertentu dari universiti-universiti yang diiktiraf oleh Kerajaan setelah disahkan oleh pihak universiti berkenaan.

6.2 **Ijazah Kelas Pertama** : **Ijazah Kelas Pertama (First Class Honours)**

Lembaga Koperasi boleh dengan menggunakan budibicaranya menganugerahkan hadiah penghargaan kepada mana-mana lulusan dari universiti-universiti yang pencapaiannya menyamai Ijazah Kelas Pertama (First Class Honours) setelah disahkan oleh pihak universiti berkenaan.

6.3 **Diploma** : **HPM 3.5**

Lembaga Koperasi boleh dengan menggunakan budibicaranya menganugerahkan hadiah penghargaan kepada mana-mana lulusan dari universiti atau kolej yang mendapat CGPA 3.5 dan ke atas setelah disahkan oleh pihak universiti atau kolej berkenaan.

6.4 **Sijil Tahfiz Malaysia** : **Sijil tahfiz yang diiktiraf atau setaraf dengannya**

6.5 **Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia** : **CGPA 3.5**

6.6 **Sijil Tinggi Agama Malaysia** : **Mumtaz**

6.7 **Sijil Pelajaran Malaysia** : **8A (A+ dan A)**

7. **KADAR PENGHARGAAN**

7.1 Anugerah Khas : RM3,000.00

7.2 Ijazah Pertama : RM3,000.00

7.3 Peringkat Diploma : RM1,500.00

7.4 Sijil Tahfiz : RM3,000.00

7.5 Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia : RM1,000.00

7.6 Sijil Tinggi Agama Malaysia : RM1,000.00

7.7 Sijil Pelajaran Malaysia : RM 500.00

8. **PERMOHONAN**

8.1 Permohonan hendaklah dibuat oleh anggota atau tanggungan anggota yang berkenaan dengan Borang Rasmi yang boleh didapati dari Ibu Pejabat Koperasi dalam tempoh satu (1) tahun dari tarikh keputusan peperiksaan diisytiharkan.

8.2 Permohonan hendaklah disertakan dengan salinan sah transkrip keputusan Peperiksaan, salinan sah sijil daripada universiti atau institut pengajian tinggi yang berkenaan.

9. **PEMBAYARAN**

9.1 Bayaran akan dibuat melalui cek atas nama Pemohon/Pelajar.

9.2 Hanya satu bayaran sahaja layak diberikan kepada seseorang pelajar bagi sesuatu kecemerlangan pelajaran.

10. **PENTADBIRAN**

Kumpulan Wang ini hendaklah ditadbir oleh Lembaga Koperasi atau mereka yang diberi kuasa untuk mentadbir dan peruntukan jumlah di dalamnya boleh dipindahkan kepada Kumpulan Wang yang lain tertakluk kepada kelulusan Lembaga Koperasi

11. **TAHUN KEWANGAN**

Tahun kewangan Kumpulan Wang ini adalah sama seperti tahun kewangan Koperasi ini iaitu berakhir pada 31 Disember, tiap-tiap tahun.

12. **LAIN-LAIN**

12.1 Apa-apa yang tidak terkandung dalam Aturan ini adalah menjadi tanggungjawab Lembaga Koperasi memutuskannya. Apa-apa keputusan Lembaga Koperasi adalah muktamad jika tidak dibatalkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

12.2 Sebarang cadangan pindaan terhadap Aturan ini hendaklah dibentang dan diluluskan oleh Mesyuarat Agung sebelum dilaksanakan.

13. **PERTIKAIAN**

Jika berbangkit sebarang pertikaian atas tafsiran Aturan-aturan ini atau timbul apa-apa perbalahan mengenainya, maka pertikaian itu hendaklah dirujuk kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia mengikut Undang-undang Kecil 83.